




UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

FORUM TELEVISYEN DARI SUDUT ETNOGRAFI KOMUNIKASI

ROHAIDAH BINTI MASHUDI

FBMK 2014 62



FORUM TELEVISYEN DARI SUDUT ETNOGRAFI KOMUNIKASI

Oleh

ROHAIDAH BINTI MASHUDI

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Doktor
Falsafah**

Disember 2014

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



COPYRIGHT



DEDIKASI

Buat suamiku - J Sham Wahid

*Air sungai pasang pagi,
Tunggu surut dayung ke hilir;
Cintaku satu cuma sekali,
Kau yang awal dan terakhir.*

Buat Ibuku - Salmi Haji Burhan

*Satimah Mustaram,
Anak undan anak kedidi,
Baik berkawan minum di kali;
Sayang ayah kasih abadi,
Jasa ibu tidak terbeli.*

Buat anak-anakku, Nurul Aqilah Zulaikha,

*Muhammed Aqil Daniel,
Muhammad Aqil Danish,
Muhammad Aqil Danny.
Makan rendang sama ketupat,
Ketupat pulut daun palas;
Pupuk minat kembangkan bakat,
Usaha gigih janganlah malas.*

Buat kakak dan adik-adikku,

*Dari pekan terus ke baruh,
Ke baruh mencari benih;
Alirkan hati yang keruh,
Tadahkan jiwa yang jernih.*

Buat teman-temanku, Pagi raya makan ketupat,

*Ketupat nasi dikerat-kerat;
Kita bertanding mencuba bakat,
Mesra terjalin bertambah erat.*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

FORUM TELEVISYEN DARI SUDUT ETNOGRAFI KOMUNIKASI

Oleh

ROHAIDAH BINTI MASHUDI

Disember 2014

Pengerusi : Ahmad Mahmood Musanif, PhD

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Forum televisyen merupakan suatu peristiwa bahasa. Ini kerana adanya kegiatan bahasa yang menonjolkan penggunaan bahasa. Ujaran daripada setiap pemeran menzahirkan tautan dan jalinan yang wujud antara setiap komponen peristiwa bahasa. Pola komunikasi dalam forum televisyen yang merupakan suatu perbincangan yang interaktif amat menarik untuk diteliti sebagai keteraturan dalam hubungan dua hala. Malah pola komunikasi melalui ujaran yang berterusan dapat melihat keupayaan pemeran dalam peristiwa bahasa ini menghasilkan ungkapan yang tepat dalam perbincangan tersebut.

Kajian ini memberi penelitian terhadap peristiwa bahasa forum televisyen berdasarkan Teori Etnografi Komunikasi oleh Hymes (1986). Melalui teori ini, data daripada 14 teks forum televisyen di analisis secara deskriptif sebagai memastikan objektif kajian dapat dicapai iaitu untuk mengenal pasti komponen etnografi komunikasi dalam forum televisyen, untuk menganalisis komponen *SPEAKING* dalam forum televisyen berdasarkan teori Hymes (1986), untuk menghuraikan grid pertuturan dalam forum televisyen dan untuk menginterpretasikan pola komunikasi mengikut konteks latar budaya komuniti bahasa Melayu.

Dapatan kajian ini menjelaskan Teori Etnografi Komunikasi mampu menunjukkan bahawa pola komunikasi yang berlaku dalam peristiwa bahasa forum televisyen ini mempunyai hubung kait dengan perilaku dan budaya penutur dalam membuat interpretasi setiap ujaran. Malah berdasarkan interpretasi ujaran setiap pemeran, turut mendapati bahawa penggunaan bahasa dalam peristiwa bahasa ini menitikberatkan aspek makna dan fungsi bahasa yang dilihat dalam penggunaannya menurut situasi dan konteks. Keberkesanan interpretasi makna ujaran dalam komunikasi antara pemeran amat bergantung pada konteks. Namun, penekanan konteks sahaja tanpa mempertimbangkan budaya komuniti tersebut hanya akan menimbulkan ketaksaan dalam penyampaian mesej. Oleh yang sedemikian, bidang ini dapat menghuraikan keunikan pola komunikasi yang terpapar dalam forum televisyen iaitu melalui ujaran pemeran dengan memberi tumpuan kepada interpretasi ujaran berdasarkan latar budaya komuniti ini.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy.

**TELEVISION FORUM FROM ETNOGRAPHY OF COMMUNICATION
POINT OF VIEW**

By

ROHAIDAH BINTI MASHUDI

December 2014

**Chairman : Ahmad Mahmood Musanif, PhD
Faculty : Modern Language and Communication**

Television Forum is an speech event. This is because their language activities that highlight the language use. Utterance of every participants disclose the links and ties that exist between each component of speech events. Communication patterns in the television forum is an interactive discussion very interesting to study the regularity of the bilateral relations. Even communication patterns through continuous speech participants can see the potential in this speech events produce proper expression in the discussion.

This study focuses on the speech event of television forum based on Ethnography of Communication Theory by Hymes (1986). Base on the theory, data from the 14 texts in the television forum will be descriptively analyzed to ensure achieved the objective of the study as to identify the components of the ethnography of communication in television forum, to analyze SPEAKING components in forum television based on the theory Hymes (1986), to describe the grid speaking in television forum and to interpret the patterns of communication in the context of cultural backgrounds Malay community.

This study describes the Ethnography of Communication Theory able to demonstrate that the communication patterns that have happened in this language television forum linked to behavior and culture make interpretation of speakers in each utterance. Even based on the interpretation of utterances every participants, also found that the use of language in this speech events concerned with their meaning and function of language seen in its use according to the situation and context. Effectiveness of interpretation of the meaning of utterances in communication between participants is highly dependent on context. However, emphasis without considering the cultural context of the community will only lead to ambiguity in message delivery. Therefore, this field can describe the uniqueness of communication patterns that appear in the television forum with leading speech by focusing on the interpretation of speech based on the cultural background of this community.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, saya amat bersyukur ke hadrat Allah (S.W.T) kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya telah berhasil menyempurnakan tesis yang bertajuk 'Forum Televisyen dari Sudut Etnografi Komunikasi'.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada pihak yang mendorong saya menyempurnakan tugas ini. Pertama sekali ucapan terima kasih dan penghargaan ini saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood Musanif, selaku pengerusi jawatankuasa penyeliaan. Seterusnya, tidak lupa juga ucapan terima kasih dan penghargaan ini saya tujukan kepada Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz dan Dr. Hasnah Mohamad yang menjadi ahli jawatankuasa penyeliaan. Sesungguhnya tunjuk ajar, bimbingan, dan nasihat ahli jawatankuasa penyeliaan sangat membantu saya dalam menyelesaikan tugas saya menyiapkan tesis ini. Selain itu ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah banyak mencurahkan ilmu dan pengalaman sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pustakawan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Digital Siti Hasmah Universiti Multimedia dan Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka yang menyediakan ruang bagi saya membuat rujukan untuk tesis ini.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan kepada keluarga saya yang tidak jemu-jemu memberikan sokongan material dan moral demi kejayaan saya. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas kerjasama dan sokongan dalam menyempurnakan tesis ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 19 Disember 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Rohaidah Mashudi bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Forum Televisyen dari Sudut Etnografi Komunikasi” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Arba'ie bin Sujud, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Teo Kok Seong, PhD

Profesor
Institut Alam dan Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

ZULKARNAIN ZAINAL, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 Mac 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood Musanif , PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hasnah Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 19 Mac 2015

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: 16 Februari 2015

Nama dan No. Matrik: Rohaidah Mashudi (GS 25969)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan:

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan: Ahmad Mahmood Musanif , PhD

Tandatangan:

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Adi Yasran Abdul Aziz, PhD

Tandatangan:

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan: Hasnah Mohamad, PhD

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	v
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
BAB	
1 PENDAHULUAN	1
2 SOROTAN LITERATUR	23
2.1 Pengenalan	23
2.2 Kajian Etnografi Komunikasi oleh Pengkaji Tempatan	23
2.3 Kajian Etnografi Komunikasi oleh Pengkaji Luar Negara	33
2.4 Kesimpulan	44
3 METODOLOGI	46
3.1 Pengenalan	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	46
3.3 Konsep dan Kerangka Teori	48
3.4 Data dalam Etnografi Komunikasi	49
3.5 Komponen <i>SPEAKING</i>	50
3.5.1 Latar	51
3.5.2 Pemeran	52
3.5.3 Tujuan	54
3.5.4 Urutan Lakuan	56
3.5.5 Ragam	59
3.5.6 Alatan atau Saluran Komunikasi	61
3.5.7 Norma Interaksi dan Interpretasi	63
3.5.8 Genre	65
3.6 Kaedah Kajian	68

3.7	Pengumpulan Data	68
3.8	Analisis Data	69
3.9	Kerangka Konsepsi	70
3.10	Kesimpulan	70
4	FORUM TELEVISYEN DARI SUDUT ETNOGRAFI KOMUNIKASI	72
4.1	Pengenalan	72
4.2	Komponen Etnografi Komunikasi dalam Forum Televisyen	72
4.3	Analisis Forum Televisyen Dari Sudut Etnografi Komunikasi	73
4.3.1	Latar	73
4.3.2	Pemeran	82
4.3.3	Tujuan	89
4.3.4	Urutan Lakuan	95
4.3.5	Ragam	103
4.3.6	Alatan atau Saluran Komunikasi	112
4.3.7	Norma Interaksi dan Interpretasi	117
4.3.8	Genre	122
4.4	Implikasi Dapatan Kajian	130
4.5	Kesimpulan	133
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	134
	BIBLIOGRAFI	142
	LAMPIRAN	
	A Senarai Tajuk Forum	151
	B Petikan Forum daripada Al Kuliyyah TV3	152
	C Petikan Forum daripada Suara Siswa TV1	154
	D Petikan Forum daripada Rancangan Isu TV1	159
	E Petikan Forum daripada Hujah TV9	167
	F Petikan Forum daripada Forum Perdana Hal Ehwal Islam TV1	169
	BIODATA PELAJAR	171
	SENARAI PENERBITAN	172

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Program Televisyen dalam Genre Perbincangan	16
1.2	Persamaan dan Perbezaan antara Bentuk Forum	20
4.1	Perantara dan Pemeran Utama dalam Peristiwa bahasa Forum Televisyen. (Suara Siswa, TV 1, 5 Mei 2009)	86
4.2	Pemeran – Penonton Aktif dan Penonton Pasif	88

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	<i>SPEAKING GRID</i> / Grid Perbualan mengikut Susunan Mnemonik oleh Hymes (1977)	49
3.2	Kerangka Konsepsi	70
4.1	Latar fizikal Peristiwa Bahasa Forum Televisyen dari Segi Kedudukan Pengerusi, seorang Pemeran Utama dan Penonton (Al Kuliyyah , TV 3, 18 Mei 2012)	76
4.2	Latar Fizikal Peristiwa Bahasa Forum Televisyen dari Segi Kedudukan Pengerusi dan Dua Pemeran Utama Tanpa Penonton di Studio (Hujah , TV 9, 23 Februari 2010)	77
4.3	Latar Fizikal Peristiwa Bahasa Forum Televisyen dari Segi Kedudukan Pengerusi, Tiga Pemeran Utama dan Penonton (Rancangan Isu @ 1 , TV 1, 17 Februari 2009)	80

BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Program televisyen boleh diletakkan kepada beberapa genre. Perbincangan merupakan sebahagian daripada genre televisyen yang bersiaran di saluran televisyen. Mengikut Patrona (2006:2125), perbincangan di televisyen merupakan contoh kepada interaksi yang berorientasikan matlamat. Justeru, penyiaran sesuatu perbincangan di televisyen itu sudah tentu adalah untuk mencapai tujuan komunikatif. Perbincangan menurut Asmah Omar (2000:1) ialah kegiatan bahasa yang memperlihatkan perbuatan dalam mempertahankan, menyokong atau menentang sesuatu perkara yang diperkatakan oleh pihak yang berkenaan. Demikian, selari dengan sifat dinamik bahasa, peristiwa bahasa yang berlangsung dapat memenuhi keperluan sosial dengan memperlihatkan kegiatan sosial yang berlaku.

Keberkesanan penyampaian maklumat amat penting dalam sesuatu genre perbincangan di televisyen. Kecelaruan dalam menyampaikan maklumat atau entropi membawa kepada kegagalan sesuatu perbincangan. Perbincangan di televisyen dikatakan sebagai bersifat interaktif jika melibatkan kehadiran pemeran yang wajib ada untuk memberi maklum balas terhadap topik perbincangan. Manakala peristiwa bahasa tanpa ada selaan dikatakan sebagai tidak bersifat interaktif, ini dapat diperhatikan daripada salah satu genre di stesen televisyen yang dikatakan sebagai bermonolog, contohnya dalam program Usrah di Astro, Tanyalah Ustadz di TV9 dan Motivasi Pagi di TV3.

Perbincangan yang interaktif didapati banyak disiarkan melalui program di saluran televisyen kerajaan dan swasta di negara ini seperti di Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), TV3, TV9, dan Astro. Peristiwa bahasa yang menjurus kepada genre perbincangan yang interaktif ini termasuklah forum, wawancara, debat, dialog, temu bual dan bual bicara. Justeru, setiap wacana yang bersiaran di televisyen sebenarnya memaparkan perkaitan dengan budaya dan sejarah orang, dan tempat yang terlibat dalam sesuatu perbincangan interaktif yang berlaku. Perkaitan inilah yang telah diperkatakan Asmah Omar (2010b:78) terhadap wacana temu duga dan wawancara.

Peristiwa bahasa bagi suatu perbincangan yang interaktif ini berlaku secara bersiri atau berterusan. Ini bermaksud program ini berkeudara di saluran televisyen tertentu pada setiap minggu, iaitu pada hari dan waktu yang sama. Walaupun begitu, terdapat beberapa program dalam genre perbincangan ini yang disiarkan melalui stesen televisyen, bersiaran secara langsung mengikut kepada keperluan seperti perbincangan tentang Pilihan Raya Umum ke-12, iaitu bersiaran di Astro Awani dalam program Sudut Pandangan. Dalam program ini, pemeran membincangkan isu sebelum, semasa dan selepas Pilihan Raya Umum ke-12. Perbincangan yang interaktif dalam program di televisyen dapat diteliti mengikut disiplin linguistik yang menjurus kepada bidang etnografi komunikasi. Ini kerana etnografi komunikasi membawa kepada kajian penggunaan bahasa dalam konteks peristiwa bahasa yang menjangkau kepada kajian linguistik dunia nyata dan bukan kajian linguistik dunia bahasa.

Komunikasi yang berkesan dalam setiap genre perbincangan yang bersiaran di televisyen amat penting untuk mencapai tujuan komunikatif. Ini bukan sahaja bergantung pada penguasaan bahasa yang menjadi infrastruktur bahasa, malah perlu kepada penekanan terhadap komponen dalam mesej tersebut (Asmah Omar, 2010a: 252). Di samping itu, hubungan sosial dalam perbincangan yang interaktif boleh berlaku di studio atau di luar, dengan mengikut kepada keperluan. Terdapat juga program perbincangan yang interaktif ini dilangsungkan melalui sidang video atau video 3G. Ini berlaku apabila salah seorang daripada pemeran utama berada jauh dari tempat berlangsungnya program perbincangan itu. Contohnya dalam Rancangan Isu RTM TV1 yang bersiaran pada 3 Februari 2009 dengan tajuk Sandiwara Rejim Zionis. Pada waktu bersiaran Dr. Chandra Muzzaffar yang merupakan salah seorang pemeran utama dalam perbincangan interaktif tersebut berada di RTM Pulau Pinang. Oleh itu, sidang video telah diadakan untuk mendapatkan reaksi beliau tentang topik yang dibincangkan.

Program perbincangan ini bersiaran mengikut bidang dan topik yang telah ditetapkan oleh pihak tertentu. Topik yang diperbincangkan lebih memberi fokus kepada isu semasa. Berhubung dengan topik perbincangan ini, hebahan akan dibuat awal, iaitu seminggu awal dari tarikh siaran perbincangan yang akan datang oleh setiap stesen televisyen. Ini memperlihatkan fungsi bahasa dalam menyempurnakan sebarang komunikasi yang berlaku dalam setiap kegiatan sosial ini. Bahkan komunikasi kebahasaan akan memantapkan lagi hubungan sosial tersebut. Genre perbincangan yang interaktif yang bersiaran di televisyen pada dasarnya diberikan judul mengikut kepada bidang dan kumpulan sasaran atau komuniti wacana. Misalnya Suara Siswa di TV1 disiarkan dengan mensasarkan kepada golongan pelajar, program Fenomena Seni yang bersiaran di TV1 memberi tumpuan kepada bidang seni tanah air. Malah pemeran utama dalam perbincangan yang interaktif merupakan individu yang mempunyai latar belakang dalam bidang

atau topik yang dibincangkan. Penelitian kepada makna ujaran dalam kalangan pemeran utama ini dapat membantu untuk mencapai tujuan komunikatif.

Bersesuaian dengan perbincangan di televisyen yang bersiaran untuk tontonan umum sudah pasti menekankan konsep muka seperti yang diajukan oleh Brown dan Levinson (1990). Oleh sebab perbincangan yang interaktif di televisyen seperti forum bersiaran untuk tontonan umum, sewajarnya perantara atau pengerusi menerapkan strategi kesopanan dalam berinteraksi dengan setiap pemeran dan penonton. Namun demikian, Asmah Omar (2000:92) tidak meletakkan kesopanan ini sebagai satu strategi kerana menurut beliau adalah menjadi satu keperluan untuk meletakkan kesopanan sebagai ciri budaya dalam setiap komuniti. Jadi, peraturan sosial amat dititikberatkan oleh setiap pemeran yang terlibat dalam perbincangan yang interaktif ini, iaitu pengerusi, pemeran utama dan penonton dalam mencapai komunikasi berkesan.

Kepatuhan dalam peraturan linguistik dan peraturan dalam unsur sosiolinguistik dan budaya memerlukan penelitian yang wajar bagi kalangan komuniti dalam suatu perbincangan yang interaktif. Demi mengekalkan hubungan sosial ini, sebarang tindakan sosial memerlukan komuniti berada dalam lingkungan peraturan ini. Oleh itu, stesen televisyen yang menyiarkan program yang menjurus kepada perbincangan seharusnya membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam mengenal pasti medan perbincangan yang sesuai dengan isu yang dikemukakan. Ini bertepatan seperti yang diperkatakan oleh Hess-Lu`ttich (2007:1369), bahawa dalam membicarakan perbahasan melalui rancangan temu bual (*talk show*), beliau telah membuat kesimpulan bahawa seharusnya perdebatan adalah untuk menyampaikan isu berbentuk kontroversi, berbanding dengan perbincangan dan perbahasan. Inilah yang perlu dititikberatkan dalam melangsungkan suatu program berbentuk perbincangan yang interaktif. Sehubungan itu, adalah perlu ditekankan bahawa dari segi kesinambungan dalam suatu perbincangan yang interaktif, memerlukan wacana penuturan agar perbincangan atau perbahasan mengikut sempadan waktu yang telah ditetapkan dalam suatu rancangan perbincangan di televisyen.

Rancangan televisyen dalam genre perbincangan, perbahasan atau perdebatan didapati semakin mendapat tempat dalam kalangan para penonton. Bahkan terdapat peningkatan dalam jumlah penonton untuk setiap program ini, sama ada yang bersiaran secara langsung atau secara rakaman. Ini dapat diperhatikan daripada rancangan berbentuk perbincangan yang interaktif melalui slot Forum Perdana Ehwat Islam di RTM TV1, yang telah berterusan penyiarannya sejak diperkenalkan sehingga ke hari ini. Bahkan saban kali bersiaran terdapat peningkatan dalam jumlah penonton. Ini dapat dibuktikan apabila Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan RTM telah melakar sejarah dengan

menganjurkan Forum Perdana Ehwat Islam yang dirakamkan di Singapura dengan jumlah penonton yang paling ramai dilokasi rakaman, iaitu 10 ribu orang (Sumber: <http://www.islam.gov.my>). Tambahan pula inilah pertama kali, iaitu pada 20 Disember 2008 rancangan ini dirakamkan di luar Malaysia. Ini menjelaskan adanya komuniti yang berminat dan memberi maklum balas terhadap sesuatu topik perbincangan.

Peraturan bahasa dengan pertimbangan terhadap sosial dan budaya dapat membina hubungan sosial yang jitu antara setiap komuniti. Perlanggaran terhadap peraturan sosial dan budaya ini memberi implikasi kepada hubungan sosial yang terjalin dan seterusnya menjejaskan kegiatan sosial atau kegiatan bahasa yang berlaku. Dalam perbincangan yang interaktif yang bersiaran di televisyen, memperlihatkan hubungan sosial antara pemeran utama dengan penonton sama ada yang berada di studio atau di luar studio (di rumah). Penonton di studio, soalan atau pendapat boleh diajukan terus kepada panel. Namun dengan kuasa yang ada pada pengerusi, barulah penonton boleh meneruskan soalan atau pendapat yang ingin dikemukakan kepada para panel atau pemeran utama. Pengerusi juga boleh meminta agar soalan atau pendapat yang diberikan oleh penonton diringkaskan atau dihentikan sekiranya didapati masa tidak mengizinkan atau mungkin pendapat yang diajukan membayangkan sesuatu yang sensitif atau menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.

Perbincangan yang interaktif di televisyen memerlukan kehadiran dan penyertaan daripada penonton dalam menjayakan sesuatu program. Penonton dalam perbincangan yang interaktif di televisyen kadang kala terdiri daripada wakil suatu kumpulan komuniti. Malah kehadiran kumpulan komuniti yang mewakili sesuatu kumpulan ini amat diperlukan untuk mendapatkan maklum balas daripada mereka bersesuaian dengan topik yang diperbahaskan. Ini dapat dilihat daripada rancangan Suara Siswa di RTM TV1, iaitu penonton di studio terdiri daripada kalangan pelajar dari institusi pengajian tinggi. Lebih-lebih lagi dengan kehadiran pemeran yang wajib tampil juga terdiri daripada ahli akademik.

Di samping itu juga, sebarang pertanyaan daripada penonton dalam perbincangan di televisyen boleh berlaku dengan cara penonton mengajukan soalan kepada pemeran seperti yang telah ditetapkan oleh pengerusi. Malah dalam situasi yang lain, penonton juga boleh memilih pemeran tertentu untuk memberi maklum balas terhadap pertanyaan yang berkaitan topik yang diperbincangkan. Manakala penonton yang berada di luar studio, pendapat atau soalan yang ingin dikemukakan kepada panel atau pemeran utama boleh disalurkan melalui panggilan telefon, iaitu sama ada dengan menelefon atau menghantar mesej melalui Pesanan Khidmat Ringkas (SMS). Bahkan dalam era teknologi moden ini

penonton juga boleh memberi pendapat atau bertanya soalan melalui e-mel atau *facebook*.

Penelitian kepada penggunaan bahasa dalam peristiwa bahasa berbentuk perbincangan yang interaktif di televisyen merangkumi segala aspek. Ini tidak sahaja melihat kepada aspek tatabahasa, bahkan aspek kecanggihan dalam perbincangan juga perlu dalam menyampaikan sesuatu maklumat sebagai satu perkongsian maklumat. Dengan menyentuh kepada penggunaan ayat, pemilihan kata, penyebutan dan kehalusan bahasa dalam perbincangan yang interaktif di televisyen secara tidak langsung dapat membantu dalam memahami setiap ujaran pemeran. Oleh yang sedemikian, dengan etnografi komunikasi, pola komunikasi dalam suatu perbincangan dapat dianalisis berdasarkan pengetahuan budaya dan tingkah laku pemeran.

Tambahan pula, setiap pemeran utama mempunyai cara penyampaian hujah yang berbeza, ini didorong oleh topik yang diperbincangkan. Malah ada ujaran dalam penyampaian hujah diujarkan secara konotasi bagi tujuan mengelakkan pihak tertentu tersinggung. Jadi, seharusnya penelitian terhadap interpretasi makna dalam sesuatu kegiatan bahasa meliputi juga lakuan bahasa, iaitu merujuk kepada lakuan lokusioner atau denotasi, lakuan ilokusioner atau konotasi, dan lakuan perlokusioner atau lakuan performatif. Sebarang ujaran itu mempunyai fungsi dan interpretasi yang pelbagai, malah konteks boleh mempengaruhi interpretasi dan realisasi kepada lakuan bahasa.

Di samping memberi penelitian terhadap lakuan bahasa, peraturan paralinguistik perlu juga diambil kira oleh setiap pemeran. Ketelitian dalam mempamerkan sesuatu gerak laku dalam perbincangan mestilah mengikut keperluan sahaja. Ini untuk mengelakkan pemeran utama tersalah memberi gerak laku, kerana dikhuatiri gerak laku yang pada pandangan pemeran adalah sopan sebaliknya dalam kalangan penonton gerak laku tersebut mungkin membawa makna yang tidak sopan.

Perbincangan tentang kegiatan bahasa dalam suatu perbincangan yang interaktif di televisyen tidak sahaja memberi tumpuan kepada makna ujaran wacana lisan. Bahkan ada keperluan untuk melakukan penelitian terhadap wacana tulisan, kerana ini mampu melihat ciri yang mesti ada dalam setiap teks, iaitu keteraturan fikiran dan tetenunan ayat yang diujarkan. Oleh itu, dengan terhasilnya suatu teks itu dapat membantu pembaca atau pendengar memahami buah fikiran yang disampaikan oleh setiap pemeran. Justeru, di sini ada keperluan dalam membuat penelitian terhadap teks suatu perbincangan yang interaktif di televisyen melalui analisis wacana.

Interpretasi makna dalam suatu teks perbincangan yang interaktif secara eksplisit membuat penelitian terhadap unsur bahasa. Ini sudah pasti melibatkan pemahaman makna dalam teks tersebut melalui konteks tertentu. Jadi, perbincangan dalam interpretasi makna dengan melibatkan komponen etnografi komunikasi dapat memberi suatu interpretasi yang jelas kepada komuniti. Bahkan ini dapat diteliti dengan lebih mendalam melalui norma interaksi dan interpretasi makna yang secara tidak langsung dapat mengenal pasti tujuan komunikatif suatu perbincangan yang interaktif dalam suatu peristiwa bahasa.

Pembicaraan tentang peristiwa bahasa dalam setiap perbincangan yang interaktif di stesen televisyen ini, membawa kepada tumpuan kajian terhadap forum televisyen. Forum televisyen merupakan suatu peristiwa bahasa kerana adanya kegiatan bahasa yang menonjolkan penggunaan bahasa. Di samping itu, dalam peristiwa bahasa ini jelas menunjukkan berlaku tautan dan jalinan setiap ujaran pemeran mengikat komponen peristiwa bahasa antara satu sama lain. Pertautan ini dilihat berdasarkan komponen peristiwa bahasa seperti pemeran, latar, saluran komunikasi, kandungan perbualan atau perbincangan, peraturan interaksi, dan struktur interaksi. Peristiwa bahasa forum ini secara umum berfungsi sebagai tempat mengumpulkan orang yang mempunyai minat dan kepentingan bersama (Asmah Omar, 2000:22).

Genre forum televisyen telah dijadikan sebagai salah satu daripada wadah dalam perbincangan yang interaktif melalui salah satu program televisyen di Malaysia. Manakala di Perancis, menurut Atifi dan Marcoccia(2006:251), forum televisyen ialah impak daripada genre temu bual dalam wacana politik yang muncul pada awal tahun 1990-an, Jadi inilah yang perlu difahami dengan percaturan untuk perbincangan yang interaktif dalam peristiwa bahasa forum di televisyen. Pertindihan dalam pengendalian perbincangan yang interaktif di televisyen, memerlukan penelitian terhadap pola komunikasi antara pemeran agar tujuan suatu perbincangan dapat dicapai.

Penelitian terhadap forum telah diperkatakan oleh Asmah Omar (2000:22) sebagai salah satu daripada jenis perbahasan. Beliau telah memperkatakan secara ringkas tentang forum yang sejajar dengan debat dan kolokium. Namun demikian, kajian Asmah Omar (2000) ini hanya membincangkan secara umum tentang pengelolaan, peserta, struktur, tajuk perbincangan, giliran berbicara, tujuan dan keputusan daripada suatu perbincangan dalam peristiwa bahasa forum. Justeru, penelitian terhadap pola komunikasi melalui kajian etnografi komunikasi dalam forum televisyen ini secara lebih mendalam akan dapat melihat perkaitan antara setiap komponen komunikasi yang dilihat saling berkaitan.

Penyataan Masalah

Dalam peristiwa bahasa forum televisyen jelas memperlihatkan beberapa masalah yang menjadi tumpuan kajian ini. Permasalahan ini berdasarkan kajian lalu yang dilihat tidak dapat atau belum menjangkau kepada kajian ini. Bahkan penelitian terhadap pola komunikasi melalui etnografi komunikasi dapat membantu dalam memahami segala bentuk ujaran yang membawa kepada pencapaian tujuan suatu perbincangan dalam forum televisyen. Oleh itu, kajian ini sangat signifikan kerana masih tidak ada lagi kajian etnografi komunikasi yang menyentuh tentang forum di televisyen dalam kalangan ahli bahasa.

Kajian linguistik yang hanya menjurus kepada persoalan nahu dalam perbincangan yang interaktif dalam suatu peristiwa bahasa sebenarnya telah mengesampingkan beberapa perkara yang secara tidak sedar membawa kepada penelitian terhadap penggunaan bahasa dalam genre tertentu. Oleh yang sedemikian, penelitian terhadap penggunaan bahasa dalam suatu peristiwa bahasa dengan memberi tumpuan terhadap kajian laras hanya menyempitkan interpretasi ujaran. Ini seperti dalam perbincangan oleh Asmah Omar (2010b:73) tentang peristiwa bahasa wawancara temu duga dan wawancara yang tidak hanya menyentuh tentang laras bahkan perbincangan beliau dilanjutkan kepada genre. Kajian yang menyentuh tentang genre memberi pertimbangan terhadap komponen dalam peristiwa bahasa dan mendedahkan hubung kait dengan komponen etnografi komunikasi yang mengambil berat hal pengetahuan perilaku dan budaya suatu komuniti.

Di samping itu juga, penelitian yang telah dilakukan oleh Bhatia (1993:17) memperlihatkan bahawa walaupun telah banyak kajian tentang analisis linguistik dilakukan sebelum ini, namun hanya beberapa kajian yang membezakan keanekaragaman atau laras dengan genre. Hakikatnya apabila menyentuh tentang suatu peristiwa bahasa tidak terlepas untuk memperkatakan laras bahasa yang digunakan. Menurut Paltridge (2004:45), suatu genre itu banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti konteks sosiobudaya, intepretasi teks, tujuan teks, pembaca teks, jangkaan daripada komuniti wacana dan hubungannya dengan teks lain yang mempunyai kesamaan. Ini secara tidak langsung melihat bahawa penelitian terhadap laras tidak meletakkan suatu kajian itu kepada penggunaan bahasa mengikut konteks yang berciri budaya tempatan. Malah kajian forum televisyen ini dapat merungkai lakuan bahasa yang diujarkan oleh pemeran melalui interpretasi budaya mengikut komuniti bahasa tersebut.

Dengan membuat kajian peristiwa bahasa forum televisyen dari sudut etnografi komunikasi dapat memperluas cakupan kajian yang bukan sahaja menyentuh

aspek laras. Ini kerana laras boleh diteliti secara sampingan dalam kajian genre perbincangan seperti forum televisyen. Ini seperti yang diakui oleh Asmah Omar (2000:xi) bahawa wacana membawa kepada kajian yang lebih luas, iaitu bukan sahaja mencakupi laras tetapi turut menjangkau strategi komunikasi dan teknik perundingan.

Di samping itu juga, dengan memberi penelitian terhadap interpretasi makna dalam peristiwa bahasa perbincangan yang interaktif, tujuan komunikatif dapat diperjelas mengikut konteks budaya dan perilaku penutur. Ini seperti yang dijelaskan oleh Askehave (1998:21) bahawa untuk mengenal pasti tujuan dalam suatu teks itu tidak dapat lari daripada kajian terhadap konteks dalam teks tersebut. Teks dan konteks memperlihatkan saling keberkaitan antara satu sama lain yang menjadikan sesuatu teks itu mempunyai kohesi dan koherensya. Ini dapat diperlihatkan bahawa dalam kajian terhadap penggunaan bahasa tidak dapat lari daripada membincangkan persoalan tentang konteks. Begitu juga dalam membuat analisis untuk suatu teks yang menunjukkan keberkaitan antara konteks dengan makna ujaran. Bahkan ini dapat memberi interpretasi yang tepat terhadap penyampaian maksud dalam perbincangan yang interaktif seperti forum televisyen.

Keberkesanan interpretasi makna ujaran dalam komunikasi antara pemeran amat bergantung pada konteks. Namun, penekanan konteks sahaja tanpa mempertimbangkan budaya komuniti tersebut hanya akan menimbulkan ketaksaan dalam penyampaian mesej. Ini seperti yang dikatakan oleh Lyons (1994:179), bahawa konteks menentukan makna ujaran pada tiga peringkat, iaitu pada peringkat pertama konteks mungkin memberitahu kita jenis ayat yang telah diujarkan, jika telah diujarkan satu ayat, pada peringkat kedua konteks memberitahu kita apakah susulan yang telah diungkapkan, sekiranya satu usulan telah diungkapkan, dan pada peringkat ketiga pula memberitahu kita bahawa usulan yang telah diperkatakan telah diungkapkan dengan lakuan ilokusionari yang tertentu. Sekiranya konteks hanya diperkatakan apabila ada usulan, ini secara tidak langsung mengetepikan perlakuan bahasa yang merupakan suatu aktiviti yang bergantung dengan budaya komuniti bahasa tersebut. Oleh yang sedemikian, dalam komunikasi yang berlaku dalam suatu peristiwa bahasa yang dibatasi dengan peraturan sosial yang ada dalam komuniti tertentu sahaja, seharusnya mempertimbangkan peraturan yang ada dalam sistem sosial komunikasi dalam komuniti bahasa yang lain.

Kajian etnografi komunikasi dalam forum televisyen secara tidak langsung turut meneliti buah fikiran yang ingin disampaikan oleh pemeran dan penonton. Seiringan dengan itu, seperti yang dinyatakan oleh Sato Hirobumi (1997:17) bahawa untuk menyatakan sesuatu fikiran dalam wacana, pihak penyampai

maklumat dikehendaki menggunakan fungsi penyampaian maklumat dengan seberkesan yang mungkin, agar pendengar-penerima dapat memahami apakah yang sebenarnya dimaksudkan oleh penyampai itu, iaitu bukan sahaja dari segi struktur ayat tetapi juga dari segi konteks situasi ujaran. Oleh yang demikian ini memerlukan tumpuan untuk membuat interpretasi makna bagi setiap ujaran yang disampaikan oleh pemeran melalui kegiatan bahasa yang ada dalam sesuatu perbincangan yang interaktif.

Umum telah diketahui oleh ahli bahasa bahawa bahasa dari segi bentuk dilihat berdasarkan kehadiran serentetan ayat yang bertujuan untuk mengungkapkan fikiran. Manakala dalam interaksi sosial, pada dasarnya bahasa dilihat dari segi fungsi. Ini dapat diperhatikan bahasa dari segi bentuk dan fungsi dalam perbincangan yang interaktif menjadi strategi komunikasi antara pemeran dengan penonton. Bahkan keberkesanan komunikasi ini mempunyai pertalian dengan komuniti wacana yang mempunyai minat yang sama. Jadi, disinilah perlunya untuk melihat peranan bahasa dalam peristiwa bahasa forum di televisyen.

Dalam pada itu, peristiwa bahasa yang menjurus kepada suatu perbincangan yang interaktif jelas menggambarkan tujuan komunikatif. Namun, tidak mudah untuk mengenal pasti tujuan komunikatif dalam suatu peristiwa bahasa. Ini kerana tidak mungkin untuk mengetahui tujuan komunikatif dalam suatu teks pada bahagian permulaan, namun menurut Askehave dan Swales (2001:200) yang nyata pada bahagian permulaan ini yang jelas dapat dilihat adalah dari segi bentuk dan kandungan. Di samping itu juga, dalam suatu perbincangan yang interaktif terkandung makna denotasi dan konotasi. Namun demikian, pengalaman dan pengetahuan dalam kalangan komuniti wacana sewajarnya dapat memahami ujaran yang diujarkan oleh pemeran.

Pola komunikasi dalam suatu peristiwa bahasa dapat diteliti dengan lebih berkesan melalui komponen yang melatarinya. Oleh yang sedemikian, dalam analisis wacana, penelitian seharusnya dilakukan terhadap bentuk bahasa yang digunakan dalam komunikasi antara penutur-pendengar atau penulis-pembaca (Ahmad Mahmood Musanif dan Arbak Othman, 2005:140). Justeru, komunikasi statik tidak wujud dalam suatu komuniti, yang ada hanyalah sifat komunikasi yang dinamik. Malah ini secara tidak langsung melihat sifat bahasa itu sendiri.

Usaha meyakinkan penonton atau pendengar untuk memahami segala ujaran yang disampaikan oleh pemeran utama memerlukan penguasaan atau penggunaan bahasa yang baik. Walaupun Soerjono Soekanto (1990:475) telah mengutarakan kebergantungan kepada tujuan dan isi yang disampaikan, ini secara tidak langsung menumpukan keupayaan berbahasa pemeran utama dalam mengujarkan setiap

tujuan dan isi. Oleh itu, apabila penekanan terhadap penggunaan bahasa dalam peristiwa bahasa forum diketepikan, ini bermaksud ketidakupayaan berbahasa yang memperlihatkan berlaku pelanggaran dalam peraturan linguistik atau pelanggaran dalam peraturan sosiolinguistik dan budaya yang tidak diberi perhatian sewajarnya.

Penulisan tentang forum televisyen dari sudut etnografi komunikasi masih belum disentuh oleh para pengkaji bahasa tempatan. Walaupun sudah ada ahli bahasa tempatan yang membincangkan etnografi komunikasi, namun penelitian yang dilakukan adalah dari sudut peristiwa bahasa yang berbeza. Selain Asmah Omar (1995) dan (2009), ahli bahasa tempatan lain yang membuat kajian terhadap pola komunikasi adalah seperti Raja Masittah (1996), Md Sabri Che Man (2004), Ab. Razak Ab. Karim (2006), Ghazali Lateh (2007), Saidatul Nornis Hj Mahali (2008a), (2008b) dan (2012), Ahmad Mahmood Musanif (2009), Rosli Ab. Rahman (2009a), (2009b) dan (2010) dan Shao, Ying (2012). Sungguhpun peristiwa bahasa forum telah disentuh oleh Asmah Omar (2000), namun beliau tidak menyatakan bentuk forum yang diperbincangkan. Malah perbincangan ringkas yang beliau lakukan hanya melihat forum sebagai peristiwa bahasa. Perbincangan yang diperkatakan oleh Asmah Omar (2000) ini, tidak memberi tumpuan kepada satu peristiwa bahasa sahaja, iaitu forum tetapi turut membuat penelitian terhadap beberapa peristiwa bahasa dalam genre perbincangan yang lain seperti perbahasan di parlimen, seminar, persidangan dan lain-lain. Justeru, adalah wajar untuk melanjutkan perbincangan terhadap genre forum televisyen dari sudut etnografi komunikasi sebagai nilai tambah dalam kajian bahasa.

Di samping itu juga, kajian tentang perbincangan yang interaktif di televisyen dalam kalangan pengkaji bahasa di luar negara memberi tumpuan kepada genre perbincangan seperti temu bual (*talk show*), temu duga panel (*panel interviews*), wawancara temu duga (*talk show interviews*), perbincangan panel (*panel discussions*) dan bual bicara televisyen (*television talk*). Ini dapat diperhatikan daripada kajian yang dilakukan oleh Patrona (2006), van Rees (2007), Lauerbach (2007), Thornborrow (2007), dan Guillot (2008) yang membicarakan pelbagai aspek kajian linguistik dan bukan linguistik. Malah kajian Atifi dan Marcoccia (2006) turut memperkatakan genre perbincangan di televisyen, iaitu merujuk kepada forum televisyen dari sudut pragmatik.

Walaupun telah banyak tulisan yang membicarakan forum, namun isu yang disampaikan lebih kepada cara pengendalian forum sebagai aktiviti dalam kelas dan sebagai perbincangan umum (*public discussion*) dengan kehadiran penonton. Ini secara tidak langsung telah menyempitkan perbincangan yang interaktif dalam suatu peristiwa bahasa forum tanpa mengambil kira akan kepentingan penggunaan bahasa dari aspek fungsi dan konteks dalam kalangan pemeran yang terlibat. Ini

sewajarnya diambil perhatian kerana penggunaan bahasa dalam sebarang teks mengikut kelaziman berlaku secara serentak dengan merangkumi identiti sosial, hubungan sosial, dan sistem pengetahuan dan kepercayaan (Raja Masittah Raja Ariffin, 2000:507).

Sekiranya tumpuan kajian dalam peristiwa bahasa forum membelakangkan penggunaan bahasa, ini secara tidak langsung akan mengetepikan kehadiran komuniti wacana. Walhal pengetahuan implisit dalam kalangan komuniti wacana akan dapat membantu memperkembangkan topik perbincangan dalam suatu peristiwa bahasa forum. Ini sejajar dengan perbincangan yang telah diutarakan oleh Raja Masittah Raja Ariffin (2000:520) bahawa pengetahuan implisit yang didasarkan pada pengalaman individu yang dikongsi secara sosial bagi kalangan masyarakat pembaca akhbar dapat membantu untuk mengenali laporan berita dan berkeupayaan membezakan suatu berita itu daripada genre wacana lain.

Pemahaman dalam meneliti fitur bahasa yang diujarkan oleh pemeran dalam suatu peristiwa bahasa seperti forum televisyen memerlukan penelitian yang jitu. Penelitian terhadap fitur bahasa yang tidak dilanjutkan kepada interpretasi ujaran mengikut konteks menjadi kendala dalam memahami ujaran pemeran dalam suatu peristiwa bahasa. Oleh itu, apabila Ghani Ismail (2005:8) menekankan bahawa salah tafsir makna akan menjadi kendala kepada proses perbualan, jadi inilah yang akan berlaku dalam perbincangan yang interaktif dalam suatu forum televisyen sekiranya penonton atau komuniti wacana memberi tafsiran yang berbeza berbanding dengan maksud sebenar yang disampaikan oleh pemeran utama.

Kesinambungan dalam kajian penggunaan bahasa dalam peristiwa bahasa forum seharusnya diteliti daripada analisis wacana. Ini seperti yang dilakukan oleh Asmah Omar (2000), pembicaraannya lebih bersifat menyeluruh kepada persoalan perbincangan yang interaktif dalam beberapa peristiwa bahasa tanpa memberi fokus kepada analisis wacana dalam peristiwa bahasa forum. Bahkan penulisan tentang penggunaan bahasa Melayu dari segi istilah dalam media, seperti yang telah diperkatakan oleh Sulaiman Masri (1997), didapati belum mampu untuk menyebarluaskan fungsi bahasa Melayu dari segi penggunaan bahasa dalam suatu perbincangan yang interaktif. Sesungguhnya kekusutan dan keraguan masyarakat untuk berinteraksi dalam bahasa Melayu perlu dijelaskan dengan perbincangan yang menyentuh tentang bahasa Melayu daripada pelbagai sudut seperti dalam penggunaan bahasa mengikut konteks sosial.

Di samping itu juga, interpretasi ujaran seharusnya memberi perhatian dalam memahami interpretasi dalam perbincangan yang interaktif seperti forum televisyen. Justeru, untuk memberi interpretasi ujaran dalam peristiwa bahasa

forum televisyen dapat dilihat dengan merujuk kepada beberapa sudut. Tumpuan kepada cara berkomunikasi atau cara untuk mempengaruhi pendengar sebenarnya terletak kepada setiap interpretasi yang dibuat terhadap segala ujaran yang diujarkan oleh semua pihak. Kendala dalam memberi interpretasi kepada setiap ujaran dalam kegiatan bahasa yang melibatkan suatu perbincangan yang interaktif perlu diteliti berdasarkan komponen komunikasi. Ini secara tidak langsung memberi keperluan untuk membicarakan konteks situasional dalam sesuatu teks.

Pengertian peristiwa bahasa telah diungkapkan oleh Marlyna Maros (2009:191) sebagai pengucapan yang diberikan label yang tertentu mengikut fungsi atau sesuatu situasi sosial. Oleh itu, dalam peristiwa bahasa forum televisyen ini adalah perlu untuk memahami setiap ujaran mengikut situasi seperti yang dimaksudkan oleh pemeran. Bahkan dalam situasi tertentu, dapat mengelakkan daripada berlakunya tumpuan kepada cara mempengaruhi penonton untuk mendengar atau mengikuti forum televisyen ini. Ini kerana yang utama ialah penonton dapat memahami segala ujaran daripada pemeran utama. Walhal dalam situasi tertentu pemeran utama dapat mempengaruhi penonton dengan menunjukkan gaya atau cara penyampaian secara fizikal atau melalui ungkapan yang diujarkan.

Terdapat berbagai ragam dan intonasi yang dapat diperhatikan daripada ujaran pemeran utama dalam menyampaikan pandangan mereka. Dalam perbincangan yang interaktif, walaupun pandangan disampaikan dalam intonasi yang tinggi, namun intepretasi setiap ujaran ini memerlukan pemahaman dalam kalangan penonton. Bahkan kecekapan berkomunikasi dalam perbincangan yang interaktif amat perlu dimiliki oleh pemeran. Ini seperti yang dinyatakan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009:183) bahawa kecekapan berkomunikasi sebagai keupayaan dalam memahami pertuturan orang lain dan sebarang perubahan yang mungkin berlaku semasa proses komunikasi berlangsung walaupun perubahan bahasa itu sedikit sahaja.

Kecekapan komunikasi yang turut merangkumi kecekapan berbahasa dan kecekapan dalam peraturan sosial bagi setiap pemeran yang terlibat dalam perbincangan yang interaktif dapat membantu dalam memberi interpretasi yang jelas kepada penonton. Pengetahuan kecekapan berkomunikasi ini mengikut Saville-Troike (1991:3) bukan sahaja melibatkan rumus atau peraturan komunikasi (linguistik dan sosiolinguistik) dan peraturan interaksi yang diamalkan bersama, tetapi termasuk juga peraturan kebudayaan dan pengetahuan yang menjadi asas kepada konteks dan isian peristiwa komunikasi serta proses interaksi. Bahkan dengan pengetahuan ini, setiap pelaku atau pemeran yang terlibat dalam perbincangan yang interaktif dapat menyampaikan maklumat yang berkesan kepada penonton atau komuniti wacana.

Ini seperti juga yang dibicarakan oleh Asmah Omar (2010a:73) tentang keupayaan komunikasi yang memerlukan kebolehan menggunakan peraturan bahasa dan pragmatik bahasa. Keupayaan komunikasi ini akan membantu dalam memberi interpretasi kepada setiap ujaran yang diujarkan dalam peristiwa bahasa forum. Sekiranya hendak memahami sebarang ujaran dalam suatu perbincangan yang interaktif, persoalan tentang peraturan percakapan perlu dititiberatkan. Ini kerana pemahaman terhadap peraturan percakapan walaupun tidak menyentuh tentang peraturan nahu namun kecekapan dalam peraturan percakapan dapat membuahkan suatu perbincangan yang berkesan. Bahkan peraturan sosioretorik dalam proses sosial dapat membantu mencapai tujuan komunikatif.

Justeru, tujuan kajian etnografi komunikasi dalam forum televisyen ini adalah untuk memberi penelitian kepada pola komunikasi yang berlaku melalui ujaran pemeran yang hadir. Ini bermakna kajian seharusnya tidak hanya memberi tumpuan kepada analisis penggunaan bahasa dalam linguistik dunia bahasa, kerana terdapat faktor bukan linguistik yang sebenarnya amat membantu dalam mewujudkan keberkesanan komunikasi semasa perbincangan yang interaktif ini dijalankan tidak disentuh. Bahkan penelitian terhadap penggunaan bahasa melalui etnografi komunikasi, secara tidak langsung dapat mengenal pasti kehadiran komuniti wacana yang dilihat mempunyai peranan yang besar dalam memastikan suatu perbincangan yang interaktif itu dapat mencapai tujuan.

Penelitian dalam kajian etnografi komunikasi untuk perbincangan yang interaktif seperti forum televisyen ini secara tidak langsung dapat mengukuhkan kedudukan bahasa Melayu. Di samping dapat memperlihatkan kepelbagaian fungsi bahasa Melayu, malahan dapat memperkayakan perbendaharaan kata. Keteguhan dan kemantapan bahasa Melayu dapat dipertingkat dalam kalangan komuniti agar memberi kepercayaan terhadap keupayaan bahasa Melayu sebagai medium bagi sesuatu perbincangan yang interaktif. Malahan masyarakat luar juga diharap dapat menilai akan keupayaan bahasa Melayu yang telah menjangkau luas dalam semua bidang. Manakala dalam kalangan komuniti wacana pula sebarang maklumat dapat dikongsi bersama dengan memahami sebarang interpretasi makna ujaran hasil daripada sesuatu perbincangan yang interaktif.

Objektif Kajian

Kajian ini secara umum memberi tumpuan kepada jenis bahasa dan penggunaan bahasa dalam peristiwa bahasa forum televisyen. Penelitian kepada penggunaan bahasa ini secara khusus menjurus kepada beberapa objektif, iaitu;

- i. Untuk mengenal pasti komponen etnografi komunikasi dalam forum televisyen

- ii. Untuk menganalisis komponen *SPEAKING* dalam forum televisyen berdasarkan teori Hymes (1986)
- iii. Untuk menghuraikan grid pertuturan dalam forum televisyen
- iv. Untuk menginterpretasi pola komunikasi mengikut konteks latar budaya komuniti bahasa Melayu

Kepentingan Kajian

Dalam suatu kajian, sewajarnya penelitian yang jitu terhadap kepentingan kajian menjadi perkara utama seiringan dalam mencapai objektif kajian. Justeru, di sini diperbincangkan kepentingan kajian ini. Hasil kajian ini penting untuk institusi pengajian tinggi dalam membentuk keperibadian pelajar melalui norma interaksi dan interpretasi. Malah kajian ini juga dapat membantu pelajar meningkatkan tahap keyakinan dalam melakukan perbincangan yang interaktif melalui genre perbincangan yang lain, iaitu dengan memahami budaya dan perilaku penutur.

Di samping itu, kajian ini juga penting kepada masyarakat umum untuk meneliti dan memahami peranan setiap komuniti dalam perbincangan yang interaktif mengikut tahap sosial yang dimiliki. Ini kerana peristiwa bahasa forum televisyen dapat berjalan lancar sekiranya setiap pemeran yang terlibat dapat memainkan peranannya secara efektif. Justeru, pemeran utama seharusnya dapat mempamerkan kemampuan komunikatif, iaitu apabila berdepan dengan soalan daripada pengerusi dan penonton. Bahkan kejayaan kegiatan bahasa dalam peristiwa bahasa forum televisyen boleh dilihat apabila setiap pemeran utama dapat memahami dan memberi respons untuk memberi pencerahan terhadap setiap soalan yang ditimbulkan oleh penonton. Ini seperti yang diperkatakan oleh Beebe & Beebe (2006: 261);

Forum presentations work best when all group members know the issues and are prepared to respond unhesitatingly to questioners.

Jadi, seharusnya setiap pemeran yang terlibat dalam pengendalian suatu perbincangan yang interaktif seperti forum televisyen mengetahui peranan masing-masing. Malah memahami isu yang diperbincangkan dan memberi maklum balas serta jawapan yang menepati soalan daripada penonton.

Kecekapan komunikasi yang melibatkan semua pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuk komuniti wacana yang berminat dengan topik perbincangan dalam peristiwa bahasa forum televisyen sudah tentu dapat memberi kesan yang mendalam terhadap perbincangan tersebut. Kesesuaian dalam pemilihan genre perbincangan sebagai wadah untuk berkongsi maklumat dapat

memberi kesan dalam memastikan maklumat yang ingin dikongsi dapat diterima oleh pihak tertentu. Oleh sebab itu jugalah Paltridge (2004:3) telah mengutarakan bahawa pengetahuan dalam genre dapat membantu untuk berkomunikasi dengan efektif antara komuniti wacana. Ini kerana keperluan untuk memahami tujuan komunikatif dalam suatu peristiwa bahasa yang bersifat interaktif adalah perlu sebelum perbincangan antara pemeran dapat diteruskan. Dalam hal ini, pemantapan dari segi kemampuan berbahasa dalam peristiwa bahasa forum adalah penting bagi kalangan pemeran utama.

Matlamat atau tujuan komunikatif dalam suatu teks forum, menjadi faktor utama untuk menentukan keahlian atau komuniti wacana dalam peristiwa bahasa forum. Ini seperti yang dibicarakan oleh Askehave (1999:14), bahawa;

Suffice to say that the factor determining genre membership is that of the goal or 'communicative purpose' of a text.

Oleh yang sedemikian, kajian ini juga penting bagi pihak stesen televisyen atau pihak tertentu yang ingin mengendalikan perbincangan yang interaktif memahami komponen komunikasi dalam mencapai keberkesanan komunikasi. Bahkan penentuan komuniti wacana dalam forum televisyen dilihat berdasarkan tujuan komunikatif yang menjadi satu keperluan dalam perbincangan yang interaktif supaya mesej yang ingin disampaikan dapat diterima oleh komuniti wacana yang sepatutnya. Ini kerana perbincangan yang interaktif dalam forum televisyen sebenarnya menggambarkan terdapatnya pemeran yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, iaitu melibatkan pemeran yang berada di belakang tabir yang juga merupakan komuniti wacana dalam peristiwa bahasa ini.

Batasan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan kepada penggunaan bahasa dalam peristiwa bahasa forum televisyen. Perbincangan yang interaktif dalam peristiwa bahasa forum ini banyak bersiaran di televisyen melalui saluran televisyen seperti RTM TV1, TV2, TV 3, TV 9, TV Al Hijrah dan Astro Awani. Berikut beberapa program perbincangan yang interaktif di saluran televisyen di negara ini:

Saluran	Program
TV 1	Forum Perdana Islam, Debat, Suara Siswa, Dialog, Rancangan Isu, Fenomena Seni, Apa Kata Wanita, dan Bicara Rakyat
TV 2	Forum Tamil Vasantham, What Say you
TV 3	Al-Kulliyah, Wanita Hari Ini, Soal Jawab
TV 9	Hujah, Tanyalah Ustaz, Tanyalah Ustazah, Semanis Kurma, Halaqah
TV Al Hijrah	Cinta Ilmu, Dialog Harmoni, Bicara
TV Astro Awani	Sudut Pandangan, Perspektif Kita dan Temujanji

Jadua 1.1 Program Televisyen dalam Genre Perbincangan

Secara umum, banyak program perbincangan yang interaktif yang bersiaran di saluran televisyen dikenal pasti sebagai peristiwa bahasa forum. Walaupun setiap program menunjukkan nama program yang berbeza, namun ciri yang ada meletakkan program tersebut sebagai suatu peristiwa bahasa forum. Oleh yang demikian, untuk tujuan kajian, tumpuan hanya kepada rancangan forum yang bersiaran di TV 1, TV 3, dan TV 9. Program forum ini bersiaran di setiap saluran televisyen ini secara bersiri, iaitu sama ada bersiaran setiap hari atau setiap minggu. Malah waktu siaran juga berbeza-beza, ada yang bersiaran pada waktu pagi, petang atau malam.

Dalam kajian ini, forum yang diambil sebagai data hanyalah forum yang bersiaran dengan menggunakan medium bahasa Melayu. Percampuran bahasa dalam suatu peristiwa bahasa forum televisyen ini hanya merupakan adanya campur kod atau alih kod yang diujarkan oleh pemeran. Isu yang disampaikan dalam setiap peristiwa bahasa forum ini juga menunjukkan kepelbagaian. Justeru, batasan kajian dibuat dengan mengambil data dari tahun 2008 hingga 2012 yang membawa isu terkini bersesuaian dengan keadaan semasa.

Fokus perbincangan kajian ini adalah menjurus kepada pola komunikasi dalam peristiwa bahasa forum di televisyen. Dengan meneliti komponen komunikasi yang hadir dalam perbincangan yang interaktif ini, huraian dan penjelasan dalam penggunaan bahasa dapat membantu memahami setiap ujaran pemeran. Bahkan ini juga dapat membantu dalam penggunaan bahasa yang sesuai untuk suatu perbincangan yang interaktif. Justeru, penelitian bagi sebarang lakuan bahasa dalam peristiwa bahasa forum di televisyen dapat menonjolkan kegiatan bahasa yang berlaku.

Kajian linguistik dengan kaedah lapangan telah diakui oleh Samarín (1993:2) sebagai berperanan penting dalam penyelidikan manusia ke atas bahasa. Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada pendekatan analisis deskriptif yang memberi tumpuan kepada kajian lapangan hiran. Kerangka konsepsi kajian ini dibentuk berdasarkan Teori Etnografi Komunikasi yang telah dikemukakan oleh Hymes (1986). Rasional di sebalik penggunaan teori ini adalah untuk melahirkan pemahaman yang mendalam terhadap bidang kajian ini, selain untuk meneliti dan mengenal pasti komponen komunikasi yang terdapat dalam teks forum televisyen yang menjadi landasan kajian ini.

Di samping itu, untuk membezakan teks forum ini dengan teks peristiwa bahasa yang lain, kajian kepada pola komunikasi ini turut menekankan penelitian dalam tujuan komunikatif bagi peristiwa bahasa forum ini, iaitu berdasarkan penelitian yang telah dilakukan oleh ahli bahasa seperti Askehave (1999), Askehave dan Swales (2001), Swales (2005), dan Biber dan Conrad (2009). Pada dasarnya, tujuan komunikatif ini tidak dapat diperolehi pada permulaan sesuatu teks dan kerana itulah wacana yang sempurna diperlukan dalam membuat analisis data.

Bahan Kajian

Kajian etnografi komunikasi ini mengambil bahan yang merupakan wacana yang sempurna daripada forum televisyen yang bersiaran di saluran televisyen tertentu. Penelitian dibuat dengan memberi tumpuan kepada forum televisyen yang bersiaran di saluran TV 1, TV 3, dan TV 9. Justeru, sebagai tujuan kajian ini bahan yang di ambil dari TV 1 ialah rancangan Forum Perdana Islam dan Rancangan Isu, TV 3 dari rancangan al Kulliyah, TV 9 dalam rancangan Hujah. Program ini dipilih sebagai bahan kajian kerana secara jelas memperlihatkan ciri perbincangan dalam bentuk forum, iaitu dengan penglibatan penonton dan bersiaran secara bersiri.

Bahan kajian yang merupakan teks forum yang bersiaran di RTM TV 1, TV 3, dan TV 9 dapat diperlihatkan ciri kejantian (*authenticity*) dalam setiap bahan yang dianalisis. Oleh itu, tidak ada ayat yang direka-reka kerana setiap ujaran yang diujarkan dalam perbincangan yang interkatif ini merupakan ujaran yang benar-benar diujarkan oleh pemeran dalam peristiwa bahasa forum televisyen.

Definisi Operasional

Genre

Asal usul genre adalah daripada bahasa Latin (*genus*), iaitu pada hari ini merujuk kepada bahasa Perancis, dengan membawa makna jenis atau kumpulan. Berdasarkan fahaman konvensional, genre diberi pengertian sebagai sistem pengelasan teks berdasarkan ciri formal yang dimiliki (Devitt, 2004: 6). Pengelasan teks yang dilakukan inilah yang memberi ruang untuk merungkai suatu keadaan teks bagi teks-teks tertentu. Umum telah mengetahui bahawa konsep genre adalah lanjutan daripada teori kesusasteraan dan kini telah diperluaskan dalam melihat kepada proses linguistik, pembentukan budaya dan pemerolehan pengetahuan.

Konsep genre merupakan satu idea baru walaupun konsep ini telah wujud sejak zaman puisi dan retorik Greek kuno. Kemunculan genre juga telah digunakan untuk menggambarkan bermacam-macam jenis ujaran yang dihasilkan dalam masyarakat, iaitu di bawah pengaruh etnografi komunikasi. Ini bertepatan dengan pandangan Yates dan Orlikowski (2002:16) bahawa dalam membicarakan konsep genre, dapat dilihat bahawa perbincangannya adalah menjurus kepada menjawab persoalan yang berkaitan dengan mengapa, apa, siapa, bagaimana, bila, dan di mana.

Genre menjadi perantaraan antara situasi sosial dan teks yang strategik dalam memberi respons kepada situasi tersebut (Swales, 2009: 14). Bagaimana respons yang diberikan terhadap situasi-situasi tersebut sudah tentu melalui kehadiran komuniti wacana, iaitu berdasarkan suatu tujuan komunikatif dalam suatu peristiwa komunikatif atau peristiwa bahasa. Respons yang diberikan oleh komuniti wacana adalah kerana timbulnya keinginan untuk mengetahui suatu perkara, bahkan demi mencapai matlamat bersama. Di samping itu juga, segala ketaksahan yang timbul dapat diperjelas kepada semua komuniti wacana.

Perbincangan tentang genre merujuk kepada penggunaan bahasa mengikut kebiasaan bagi sesuatu komunikatif khusus, iaitu sebagai menyatakan tujuan komunikatif dalam suatu disiplin atau institusi sosial (Bhatia, 2004:23). Ini jelas menunjukkan bahawa terdapat perkaitan dari segi konteks sosial apabila perbincangan tentang genre menyentuh tentang tujuan komunikatif. Kajian genre dengan menggunakan pendekatan analisis wacana memerlukan input daripada pelbagai disiplin untuk menginterpretasi, menghuraikan dan menerangkan rasional yang mendasari berbagai-bagai genre profesional dan genre akademik (Bhatia,

1993:13). Ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa adanya keperluan untuk melihat kajian genre mengikut analisis wacana, iaitu berdasarkan bidang yang ingin dikaji. Oleh sebab takrif genre merujuk kepada jenis teks, maka kehadiran kepada ciri linguistik seperti bentuk, struktur, kandungan dan teknik akan berlaku mengikut tahap tetapi masih menumpukan kepada tujuan komunikatif.

Forum

Pemahaman terhadap takrif forum perlu untuk mencari penyelesaian kepada pemilihan medium yang sesuai dalam perbincangan yang interaktif. Forum seperti yang ditakrifkan oleh Braden dan Bradenburg (1955:313) adalah dengan melihat kepada dua pengertian berbeza, iaitu;

- i. *It frequently indicates a series of meetings.*
- ii. *The word forum often indicates audience participation.*

Berdasarkan dua takrif forum di atas, pertama menjelaskan bahawa forum melibatkan siri perbincangan. Bahkan dalam pengertian yang pertama, Braden dan Bradenburg (1955:313) telah melanjutkan huraian dengan mengatakan bahawa forum yang bersiaran secara tetap di televisyen dan radio tidak memerlukan penglibatan penonton. Manakala dalam pengertian yang kedua pula, forum diberi maksud dengan mengambil kira penglibatan para penonton. Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada penonton untuk mengemukakan soalan atau pendapat. Namun demikian, Hanna dan Gibson (1992:410) memberi pengertian forum sebagai suatu perbincangan umum yang melibatkan penyertaan penonton sepenuhnya.

Peristiwa bahasa forum dikatakan telah wujud sejak zaman Rom purba yang menjadikan forum sebagai medium perbincangan yang interaktif pada zaman tersebut. Namun demikian, pada zaman tersebut latar fizikal yang merupakan tempat berlaku perbincangan dalam peristiwa bahasa forum berbeza dengan latar fizikal yang sedia ada pada hari ini.

In ancient Rome, the forum was a marketplace where citizens went to shop and discuss the hot issues of the day. It later became a public meeting place where political speeches were often delivered. (Beebe dan Beebe, 2006:442)

Mengikut Braden dan Bradenburg (1955:313), bentuk forum dibahagikan kepada tiga, iaitu forum kuliah (*lecture-forum*), forum filem (*film-forum*) dan forum debat

(*debate-forum*). Berbeza dengan bentuk forum yang dikemukakan oleh Siti Hajar Abdul Aziz (1997:102) yang telah menyenaraikan bentuk forum kepada 7 bentuk, iaitu forum panel, forum kuliah, forum perbincangan, forum temu ramah, forum reaksi berantai, forum simposium dan forum rangsangan.

Secara umum, bentuk forum yang dikemukakan oleh Siti Hajar Abdul Aziz (1997) dapat dibezakan antara satu bentuk dengan bentuk yang lain, iaitu dari segi pengendalian forum tersebut. Hanya dalam forum temu ramah dan forum kuliah, memerlukan seorang pemeran utama. Manakala dalam bentuk forum yang lain, rata-rata memerlukan tiga hingga lima orang yang bertindak sebagai pemeran utama. Dalam forum panel dilihat melibatkan tiga hingga lima orang panel atau dikenali sebagai pemeran utama. Di samping itu juga, pengendalian forum rangsangan turut berbeza dengan bentuk forum lain kerana dalam bentuk forum ini bahan rangsangan yang berbentuk muzik, rakaman drama, rakaman video atau audio bahan bacaan atau bahan rangsangan lain yang bersesuaian diperlukan untuk dipertontonkan kepada penonton sebelum sesi forum dimulakan.

Bentuk Forum	Persamaan dan Perbezaan	
	Jumlah Pemeran Utama	Pengendalian
Panel	3 – 5	Topik ditetapkan terlebih dahulu
Kuliah	1 (Pakar)	Tajuk mengikut kuliah
Reaksi berantai	3	-Topik ditetapkan terlebih dahulu -Penonton dibahagikan 3 atau 4 kumpulan kecil
Rangsangan	1	Bahan-bahan rangsangan diperlukan untuk dipertontonkan
Simposium	3 – 4	Tajuk berbeza mengikut kertas kerja
Temu ramah	1 (Pakar rujuk)	Fokus kepada satu bidang
Perbincangan	4	Topik bersifat kontroversi

Jadual 1. 2 Persamaan dan Perbezaan antara Bentuk Forum

Secara umum, suatu peristiwa bahasa forum itu melibatkan pengerusi atau perantara yang bertugas memberi pengenalan kepada program yang dikendalikan dan memperkenalkan pemeran utama. Mengikut Koch (1995:156) dalam forum kuliah menunjukkan penglibatan seorang moderator dan seorang pensyarah yang bertindak menyampaikan syarahan untuk topik tertentu, selepas syarahan disampaikan akan diikuti dengan forum, di sini moderator mengambil kedudukan sebagai pengerusi.

Dalam setiap bentuk forum, penonton akan diberi peluang untuk mengemukakan soalan atau pandangan. Namun seperti yang dinyatakan oleh Braden dan Bradenburg (1955:316), walaupun penonton diberikan peluang untuk terlibat sama dalam perbincangan yang interaktif ini, situasi ini tidak akan memberi kesan kepada hasil atau kesudahan perbincangan tersebut. Ini secara langsung penonton sendiri dapat memahami kedudukan mereka.

Di samping itu juga, terdapat sesi soaljawab antara pemeran utama dan penonton dalam forum televisyen, malah Braden dan Bradenburg (1955:314) telah mengajukan agar soalan bertulis dikemukakan oleh penonton kepada pemeran utama, terutamanya bagi topik perbincangan yang sangat kontroversi. Oleh itu, suatu pendekatan yang sistematik dalam perbincangan yang interaktif ini dapat berlangsung dengan berkesan, iaitu dengan memastikan bahawa segala pertanyaan atau maklum balas daripada penonton dapat diterima dengan jelas dan difahami oleh semua komuniti wacana yang hadir atau terlibat dalam peristiwa bahasa tersebut.

Forum boleh dibahagikan kepada dua peristiwa sosial yang penting, iaitu pertama peristiwa bahasa yang melibatkan kegiatan bahasa daripada pemeran utama dalam mengemukakan pendapat atau pandangan mereka dalam sesuatu topik perbincangan. Peristiwa sosial yang kedua pula melibatkan peristiwa bahasa yang bersifat interaktif yang melibatkan soal-jawab antara pemeran utama dan penonton serta reaksi dari pemeran utama terhadap pandangan dan pendapat dari penonton. Oleh yang sedemikian, jelas dapat dilihat pola komunikasi yang berlaku dalam peristiwa bahasa ini.

Etnografi Komunikasi

Etnografi komunikasi merupakan kajian terhadap pola komunikasi dalam suatu masyarakat. Kajian etnografi komunikasi secara makro adalah sebahagian daripada kajian etnografi. Istilah etnografi adalah daripada gabungan perkataan

bahasa Greek, iaitu *ethno* (bangsa) dan *graphos* (laporan), yang merujuk kepada laporan tentang suatu masyarakat (Philipsen, 1990:258). Lanjutan daripada kajian etnografi pertuturan oleh Hymes (1968) telah membawa kepada kajian etnografi komunikasi.

Etnografi komunikasi mengambil pendekatan analisis wacana, iaitu dengan berlandaskan wawasan antropologi dan linguistik. Pendekatan ini meneliti pola komunikasi suatu komuniti yang menjadi sebahagian daripada pengetahuan budaya dan perilaku komuniti tersebut. Malah kajian etnografi komunikasi memberi tumpuan kepada peranan bahasa dalam perilaku komunikasi suatu komuniti, iaitu melihat penggunaan bahasa dalam masyarakat yang mempunyai budaya yang berbeza-beza.

Penelitian terhadap etnografi komunikasi, menurut Saville Troike (2003: 110) boleh diteliti berdasarkan 11 komponen komunikasi iaitu genre, topik, tujuan, latar, ragam, bentuk mesej, kandungan mesej, urutan perilaku, peraturan interaksi, norma interaksi dan norma interpretasi. Di samping itu, kecekapan berkomunikasi juga perlu diteliti dalam etnografi komunikasi. Ini kerana menurut Saville-Troike (2003: 5), kecekapan berkomunikasi ini melibatkan rumus atau peraturan komunikasi (linguistik dan sosiolinguistik), peraturan interaksi, peraturan kebudayaan dan pengetahuan yang menjadi asas kepada konteks dan kandungan peristiwa bahasa serta proses interaksi. Justeru, makna sosial dapat disampaikan dan dikongsi dengan komuniti bahasa yang lain.

Kesimpulan

Pemahaman terhadap pola komunikasi dalam masyarakat tertentu melalui teori etnografi komunikasi didasari dengan memberi penelitian terhadap situasi bahasa, peristiwa bahasa dan lakuan bahasa. Ini menjelaskan bahawa lakuan bahasa adalah sebahagian peristiwa bahasa, manakala peristiwa bahasa sebahagian situasi bahasa. Justeru, untuk memahami pola komunikasi dalam genre forum televisyen, kita perlu memahami persekitarannya yang mana melalui penelitian ini dapat dilihat hubung kait antara setiap komponen komunikasi. Bahkan di sini melibatkan kemampuan komunikasi antara pemeran yang dilingkungi dengan kepatuhan kepada peraturan komunikasi. Selain itu, keteraturan komunikasi dalam suatu genre seperti forum televisyen ini menitikberatkan pemahaman terhadap konteks situasi dan konteks budaya kerana interpretasi makna perlu dilatari dengan budaya dan pengetahuan penutur dan pendengar.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (1997). *Komunikasi untuk Pemimpin*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Ab. Razak Ab. Karim (2000). Warkah Melayu Lama: Satu Genre Linguistik. *Jurnal Dewan Bahasa*. 44(2): 265-274.
- Ab. Razak Ab. Karim (2005). Warkah-warkah Melayu di Nusantara: Kajian Genre dan Etnolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 4(2): 109-135.
- Ab. Razak Ab. Karim (2006). *Warkah Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Chaedar Alwasilah. (1989). *Beberapa Madhab dan Dikotomi Teori Linguistik*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Adrian Akmajian et. al (Penterjemah Aishah Mahdi dan Azizah Hussein). (1995). *Linguistik: Pengantar Bahasa dan Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahmood Musanif dan Arbak Othman (2005). *Teori Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahmood Musanif (2007). "Analisis Genre Linguistik". Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-3.
- Ahmad Mahmood Musanif (2009). "Peristiwa Bahasa Temu Bual Akhbar sebagai Satu Genre Linguistik". Dalam Zaitul Azma Zainon Hamzah et.al. *Penelitian Bahasa dan Budaya Melayu: Teori dan Aplikasi* (20-35). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Arbak Othman. (2006). Budaya Berbahasa: Berbudayakah Kita?. Dalam *Dewan Budaya*, jilid 28(6): 10-16.
- Askehave, I. dan Swales, J. M. (2001). Genre Identification and Communicative Purpose: A Problem and a Possible Solution. *Applied Linguistics*. 22(2): 195-212. Oxford University Press.
- Askehave. I.(1999). Communicative Purpose as Genre Determinant. *Hermes. Journal of Linguistics*. 23: 13-23.
- Asmah Omar (1987). *Malay in its Sociocultural Context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Omar (1988). *Bahasa Iklan Perniagaan: Satu Kajian Bahasa Retorik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (1991). *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (1992a). *Penggunaan Bahasa Dalam Borang: Bahasa dalam Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (1992b). *The Linguistics Scenery Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (1996). Kesopanan dalam Perbincangan dan Perbahasan: Satu Analisis Kelakuan Bahasa dalam *Keadaan Perbezaan Taraf dan Peranan dalam 100 Tahun Za'ba: Za'ba Pejuang Bangsa*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Asmah Omar (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (2004). *Bahasa Diraja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (2005). *Bahasa Malaysia Sainifik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (2009a). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (2009b). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (2010a). *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (2010b). *Wacana Temuduga dan Wawancara*. (Edisi ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar (2011). *Teori dan Kaedah Nahu: Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Atifi, H dan Marcoccia, M. (2006). Television Genre as a Object of Negotiation: A Semio-Pragmatic Analysis of French Political “Television Forum”. *Journal of Pragmatics*. 30: 250-268.
- Auer, P. (1998). *Code-Switching in Conversation: Language, Interaction and Identity*. London: Routledge.
- Austin, J.L. (1982). *How To Do Things With Words*. New York: Oxford University Press.
- A Wahab Ali (1990). “Pengalaman Penyelidikan: Metodologi dan Analisis”. Dalam Metodologi dan Penyelidikan dalam *Pengajian Melayu*. Jabatan Pengajian Melayu
- Bailey, K.D. (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Terjemahan Hashim Awang. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bauman, R. and Sherzer, J. (1989). *Explorations in The Ethnography of Speaking*. (Second Edition). New York: Cambridge University Press.
- Beebe, S. A dan Beebe, S. J. (2006). *A Concise Public Speaking Handbook*. Boston: Pearson Education. Inc.
- Beebe, S. A dan Beebe, S. J. (2006). *Public Speaking An Audience-Centered Approach*. Boston: Pearson Education. Inc.
- Bhatia, V.K. (1993). *Analysing Genre: Language Use in Professional Settings*. London: Longman.
- Bhatia, V.K. (1996). Methodological Issues in Genre Analysis. *Hermes. Journal of Linguistics*. 16:39-59
- Bhatia, V.K. (2004). *Worlds of Written Discourse A Genre-Based View: Advances in Applied Linguistics*. London: Sage Publication.
- Biber, D. dan Conrad, S. (2009). *Register, Genre, and Style*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Braden, W. W. dan Brandenburg, E. (1955). *Oral Decision-Making: Principles of Discussion and Debate*. New York: Harper & Row Publishers.
- Briggs, L. C. (1986). *Learning How to Ask: A Sociolinguistic Appraisal of the Role of the Interview in Social Sciences Research*. London: Cambridge University Press

- Brown, P dan Levinson, S.C. (1990). *Politeness: Some Universal in Language Usage*. London: Cambridge University Press.
- Chandler, D. (1997). *An Introduction to Genre Theory*. URL <http://www.aber.ac.uk/media/Documents/intgenre/intgenre.html>. Capaian pada 4 Jun 2010
- Crystal, D. (2008). *A Dictionary of Linguistics & Phonetics*. Sixth Edition. United Kingdom: Blackwell Publishing Ltd.
- Duranti, A. (1988). Ethnography of Speaking: Toward a Linguistics of the Praxis. Dalam *Language: The Socio-cultural Context*. Edited by Frederick J. Newmeyer. Volume IV. Cambridge University Press.
- Eriyanto (2009). *Analisis Wacana Pengantar Analisis Teks Media*. Yogyakarta: PT. LKiS.
- Fairlough, N. (1995). *Language and Power*. New York: Longman Inc.
- Fasold, R. (1990). *The Sociolinguistics of Language*. United Kingdom: Basil Blackwell
- Fishman, J. A. (1977). *Reading in the Sociology of Language*. The Hague: Mouton Publishers.
- Garfinkel, H. (1986). Remarks on Ethnomethodology. dalam *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication* edited by Gumperz, J.J & Hymes, D. New York: Basil Blackwell.
- Ghani Ismail (2003). Makna Ujaran dalam Novel Karya Arena Wati dari Sudut Pragmatik. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Ghazali Lateh (2007). Interaksi Dalam Ujian Lisan Berasaskan Sekolah Dalam Kalangan Remaja. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia.
- Goffman, E. (1981). *Forms of Talks*. Oxford: Basil Blackwell.
- Gumperz, J.J & Hymes, D. (1986). *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication*. New York: Basil Blackwell.
- Gumperz, J.J (1968). *The Speech Community*, International Encyclopedia of the Social Sciences. New York: Macmillan. 381–386.
- Hanna, M. S. dan Gibson, J. W. (1992). *Public Speaking for Personal Success*. United States of America: Wm. C. Brown Publishers.

- Hartmann, R.R.K. and Stork, F.C. (1973). *Dictionary of Language and Linguistics*. Applied Science Publishers Ltd.: London.
- Hassan Ahmad. (2004). Bahasa Melayu dan Minda Melayu: Satu Tinjauan Kritis. *Jurnal Melayu*. Bil. 1: 388-392.
- Hasan, R. (1989). The structure of a text. Dalam M. A. K. Halliday & R. Hasan (Eds.), *Language, context and text: Aspects of language in a social-semiotic perspective* (pp. 52-69). Oxford, UK: Oxford University Press.
- Hashim Musa. (2009). "Islam dan Tamadun Melayu: Tinjauan Permulaan Peranannya dalam Pembinaan Tamadun Malaysia". Dalam Zaitul Azma Zainon Hamzah et.al. *Penelitian Bahasa dan Budaya Melayu: Teori dan Aplikasi* (20-35). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hess-Lu'ttich, E.W.B.(2007). (Pseudo-) Argumentation in TV-debates. *Journal of Pragmatics*. 39: 1360–1370.
- Hyland, K. (2008). Genre and Academic Writing in the Disciplines. *Language Teach. Journal Cambridge*. 41:4. 543-562.
- Hymes, D. (1977). The Ethnography of Speaking. Dalam *Reading in the Sociology of Language*. Edited by Fishman, J. A., The Hague: Mouton Publishers.
- Hymes, D. (1977). *Foundation in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. London: Tavistock Publications Limited.
- Hymes, D. (1986). Models of the Interaction of Language and Social Life dalam *Directions in Sociolinguistics: The Ethnography of Communication* edited by Gumperz, J.J & Hymes, D. New York: Basil Blackwell.
- Hymes, D. (1989). Ways of Speaking. Dalam Bauman, R. and Sherzer, J. *Explorations in The Ethnography of Speaking*. (Second Edition). New York: Cambridge University Press.
- Idris Aman. (2004). Bahasa dan Kepimpinan: Pengkhalayakan Wacana Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. *Akademika* 65 (Julai): 3 – 25.
- Idris Aman. (2008). *Bahasa dan Kuasa: Analisis Wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-11*. *Akademika* 72 (Januari): 69 – 96.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Husin. (1995). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Koentjaraningrat. (1981). *Pengantar Ilmu Antropologi*. Jakarta: Aksara Baru.
- Kress, Gunther (1988). *Communication and Culture: An Introduction*. Kensington. NSW: New South Wales University Press
- Kridalaksana, H. (1983). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia.
- Lauerbach, G. (2007). Argumentation in Political talk Show Interviews. *Journal of Pragmatics*. 39 (2007): 1388-1419.
- Leech, G. Terjemahan oleh Azhar M. Simin. (1993). *Prinsip Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Levinson, C. S. (1983). *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Lyons, J. Penterjemah oleh Zahrah Abd. Ghafur (1994). *Bahasa, Makna dan Konteks*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- M. Cots, J. (1992). Norms of Interaction and Interpretation: An Ethnographic Approach to Discourse in A Catalan University Context. *Sintagma* 4, 61 -67.
- Maingueneau. D. (2002). Analysis of an Academic Genre. *Discourse Studies*. 4(3): 319-342. London: SAGE Publication.
- Marlyna Maros. (2009). Membina Set Lakuan Bahasa: Komplin dalam Bahasa Melayu. Dalam Nor Hashimah Jalaluddin. et. al. *Kepelbagaian Dimensi Linguistik*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Martin, J.R. (2009). Genre and Language Learning: A Social Semiotic Perspective. *Linguistics and Education*. 20: 10-21.
- Martin, J.R. (1997). Analysing Genre: Functional Parameters. In Christie.F. dan Martin. J.R. *Genre and Institutions* (3-39). London and Washington: Cassel.
- Matthews, P. H. (2007). *Consice Oxford Dictionary of Linguistics*. United Kingdom: Oxford University Press.

- Mayes, P. (2003). *Language, Social Structure, and Culture: A Genre Analysis of Cooking Classes in Japan and America*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co.
- Mey, J. L. (2009). *Concise Encyclopedia Of Pragmatics*. Second Edition. Elsevier's Rights Department Oxford: UK
- Nik Safiah Karim. (1989). *Laras bahasa*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Bahasa dalam perniagaan: Analisis semantik dan pragmatik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2006). Budaya Penyelidikan Dan Penerbitan Bertamadun: Satu Sinergi. *GEMA Online Journal of Language Studies*. Volume 6(2): 49-64.
- Ojha, A.K. dan Holmes, T.L. (2010). Don't Tease Me, I'm Working: Examining Humor in a Midwestern Organization Using Ethnography of Communication. *The Qualitative Report*. Volume 15 Number 2. March 2010. 279-300.
- Paltridge, B. (1995a). *Analyzing Genre: A Relational Perspective*. *System* 23(4): 503-511.
- Paltridge, B. (1995b). Working With Genre: A Pragmatic Perspective. *Journal of Pragmatics*. 24: 393-406.
- Paltridge, B. (1996). Genre, Text Type, and the Language Learning Classroom. *ELT Journal*. 50(3): 237- 243.
- Paltridge, B. (1997). *Genre, Frames and Writing in Research Settings*. Amsterdam and Philadelphia: John Benjamins.
- Paltridge, B. (2000). *Making Sense of Discourse Analysis*. Gold Coast: Antipodean Educational Enterprises.
- Paltridge, B. (2004). *Genre and the Language Learning Classroom*. An Arbor: University of Michigan Press
- Paltridge, B. (2008). Textographies and the Researching and Teaching of Writing. *IBERICA* 15: 9-24
- Patrona, M. (2006). Constructing the Expert as a Public Speaker: Face Considerations on Floor-Claiming in Greek Television Discussion Programs. *Journal of Pragmatics*. 38(2006):2124-2143.

- Posner, Roland. (1980). Semantics and Pragmatics of Sentence Connectives in Natural Language. dalam *Speech Act Theory and Pragmatics*. Disunting oleh Searle, J. R., Kiefer, F& Bierwisch, M. 169 -204. Holland: Dordrecht: Reidel.
- Raja Masitah Raja Ariffin. (1996). Teater Pulang: Kajian Berdasarkan Analisis Aktiviti Komunikatif dan Etnografi Pertuturan. *Jurnal Dewan Bahasa*, Julai 594-610.
- Raja Masitah Raja Ariffin. (2000). Genre Laporan Berita dalam Akhbar: Satu Analisis Wacana. *Dewan Bahasa*. 44(4):505-521.
- Ramli Md. Salleh, Sanat Md. Nasir dan Noor Ein Hj. Mohd. Noor. (1997). *Kamus Linguistik*. Dewan Bahasa Pustaka: Kuala Lumpur.
- Ravichandran Moorthy. (1996). Etnografi Komunikasi. *Jurnal Dewan Bahasa*. November 1044-1046.
- Ray, M. and Biswas, C. (2011). A Study on Ethnography of Communication: A Discourse Analysis with Hymes 'Speaking Model'. *Journal of Education and Practice*. Vol. 2. No. 6. Page: 33 – 40.
- Romaine, S. (1994). *Language in Society: An Introduction to Sociolinguistics*. New York: Oxford University Press.
- S. Nathesan (1995). *Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2008a). Interaksi Sosial dalam Isun-Isun Bajau. *Akademika* 74 (Disember): 59 – 87.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2008b). Strategi Interaksi dalam tradisi Lisan Isun-Isun Bajau. *Sari* 26: 221 – 241.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. (2012). Situasi, Peristiwa dan Lakuan Bahasa dalam *Kalang Sama*. *Akademika* 82 (1): 3 – 14
- Samarin, W.J. (1993). *Linguistik Lapangan Panduan Kerja Lapangan Linguistik*. Penterjemah Kamaruzaman Mahayiddin dan Zahrah Abd. Ghafur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sato Hirobumi. (1997). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah Suatu Pandangan dari Sudut Linguistik Struktural-Fungsian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Saville-Troike, M. (1991). *Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan*. Penterjemah Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Saville-Troike, M. (2003). *The Ethnography of Communication: An Introduction*. UK: Blackwell Publishing Ltd.
- Saville-Troike, M. (2013). The Ethnography of Communication. Dalam *Sociolinguistics and Language Teaching*, Edited by Sandra Lee McKay, Nancy H. Hornberger, Cambridge Books Online © Cambridge University Press, Capaian pada 10 September 2013, <http://ebooks.cambridge.org/>.
- Schiffirin, D. (2000). *Approaches to Discourse*. Oxford: Blackwell Publishers Ltd.
- Schiffirin, D. (2007). *Ancangan Kajian Wacana*. Editor Abd. Syukur Ibrahim. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Schiffirin, D. (2013). Interactional sociolinguistics. Dalam *Sociolinguistics and Language Teaching*, Edited by Sandra Lee McKay, Nancy H. Hornberger, Cambridge Books Online © Cambridge University Press, Capaian pada 10 September 2013, <http://ebooks.cambridge.org/>.
- Searle, J. R., Kiefer, F & Bierwisch, M. (1980). *Speech Act Theory and Pragmatics*. Holland: D. Reidel Publishing Company.
- Searle, J. R. (1970). *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. London: Cambridge University Press.
- Siti Hajar Abdul Aziz (1997). *Siri Pendidikan Perguruan: Aktiviti Lisan*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Soerjono Soekanto. (1990). *Sosiologi Suatu Pengantar*. Jakarta: Rajawali Pers.
- Sulaiman Masri. (1997). *Media dan Komunikasi dalam Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Swales, J. M. (1988). Discourse Communities, genres and English as an International Language. *World Englishes*. Vol 7. 2: 211 – 220.
- Swales, J. M. (2005). *Research Genres: Explorations and Applications*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Swales, J. M. (2008). *Genre Analysis: English in A Academic and Research Setting*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Swales, J. M. (2009). Worlds of Genre – Metaphors of Genre. In Bazerman C. , Bonini A. and Figueiredo D. *Genre in a Changing World*(3-16). Indiana: Parlor Press.

- Sulaiman Masri. (1997). *Media dan Komunikasi dalam Bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tarigan H. G. (1995). *Pengajaran Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tench, R. (2003). Public Relations Writing – A Genre-Base Model. *Corporate Communications: An International Journal*. Vol. 8. 2:139-146.
- Thomas, J. (1995). *Meaning in Interaction: An Introduction to Pragmatics*. New York: Longman Publishing.
- Thornborrow, J. (2007). Narrative, Opinion and Situated in Talk Show Discourse. *Journal of Pragmatics*. 39: 1436-1453.
- van Rens, M. A. (2007). Discourse Analysis and Argumentation Theory: The Case of Television Talk. *Journal of Pragmatics*. 39: 1454-1463.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusof. (1986). Pertumbuhan Popular Masyarakat Melayu Bandaran Sebelum Perang Dunia Kedua. Dalam *Kajian Budaya dan Masyarakat Di Malaysia* disusun oleh Mohd. Taib Osman dan Wan Kadir Yusoff. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Wardhaugh, R. (2010). *An Introduction to Sociolinguistics*. (Sixth Edition). UK: Wiley-Blackwell.
- Yates, J. dan Orlikowski, W. (2002). Genre Systems: Structuring Interaction through Communicative Norms. *Journal of Business Communication*. 39: 13-35.
- Yule, G. (1996). *Pragmatics*. New York: Oxford University Press.
- Yunick, S. (1997). Genres, Registers and Sociolinguistics. *World Englishes*. 16(3): 321-336.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah (2009). Perkembangan Kecekapan Pragmatik dalam Kalangan Kanak-kanak, dalam Nor Hashimah Jalaluddin, Mohammad Fadzeli Jaafar dan Harishon Radzi. *Kepelbagaian Dimensi Linguistik* (176-190). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.